

20/11/2001

Gema Puisi Islam membelah suasana malam dataran Asy Syakirin

Atondra

SINGGAH untuk solat Isyak di Masjid Asy Syakirin, Bandar Maran dalam perjalanan pulang dari Bandar Diraja Pekan, meraikan Hari Ulang Tahun Keputeraan Sultan Pahang ke-71, kami sekeluarga sempat menyaksikan Malam Kesenian dan Baca Puisi Islam di Dataran Masjid berkenaan.

Jarang penulis dapat menyertai kegiatan sastera dan budaya di Pahang, terakhir penulis sekadar ikut acara Baca Puisi Kuantan (Februari 2000) bersama Penyair Sutung Umar RS di Taman Seni Kuantan.

Mulanya penulis rancangkan menyertai Seminar Persuratan - Menjejak Warisan Pahang (27 dan 28 Oktober) di Taman Budaya. Paling tidak menemui teman lama: Talib Samad (dari UPSI), Aripin Said (UPM), Abah - Shamad Malaya, Muhammad Nor Ismail, Yassin Saleh, Zulkifli Ismail (sekadar menyebut beberapa nama), terbatal, apabila anak meminta: bapa harus hadir pada Konvokesyen di Hotel Shangri La, esok (28 Oktober, 2001).

Tidak mahu mengecewakan hati anak, biar bapa saja kecewa: bapa sudah beraus-ratus kali kecewa - sejak remaja tak berbekas... Lalu bergegas pulang Kelana Jaya sampai jam 2 pagi.

Pulang malam sampai di rumah berderai kokok ayam menjadi lumrah dan kebiasaan. Bersama Penyair Sutung Umar RS, meredah hutan malam menghadiri kegiatan baca puisi di Kota Bharu, Kuala Terengganu, Ipoh, Kuantan dan Rumah Pena.

Jadi, apabila melihat acara Malam Kesenian dan Baca Puisi Islam di dataran Masjid Asy Syakirin, Bandar Maran. Penulis tidak melepas peluang. Ketagih pulang malam pun tiba, walau hati anak berperang minta segera berangkat pulang.

Lepas Isyak acara kesenian bermula, enam kumpulan nasyid dari sekolah, serta enam kumpulan nasyid dewasa menyertai peraduan diselang-selikan dengan baca puisi Islam. Gema puisi Islam membelah suasana malam dataran Asy Syakirin.

Penulis diberitahu, Malam Kesenian Islam adalah program Dakwah Perdana Pahang Darul Makmur tahun ini, bagi tujuan mengetengahkan kepada masyarakat Islam akan bentuk kebudayaan dan hiburan alternatif yang bersesuaian dengan anutan Islam.

Di samping memupuk warga masyarakat agar sedia berdakwah melalui ciri budaya dan karya kreatif yang sesuai serta dapat mencanai minda, dapat pula memberi kesedaran kepada khalayak mengenai nilai murni dan akhlak mulia warga terpuji.

Acara baca puisi kini sudah popular. Ia dapat menarik minat khalayak. Ramai pula orang kenamaan merela diri ikut mendeklamasi puisi, termasuk Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Radio Televisyen Malaysia (RTM) pula mengadakan Malam Deklamasi setiap tahun. RTM juga mempopularkan baca puisi setiap senja dan malam melalui kaca TV.

Di mana-mana acara rasmi kini, jika tidak dihiasi dengan baca puisi, secara hambar itu, bagai masakan tidak secukup garam perisanya. Kerana itu Malam Kesenian Islam daerah Maran, memilih puisi Islam untuk menambah merenah meriah acara. Sambutannya membanggakan. Ramai yang masuk bertanding, lalu terpaksa disaring.

Kerana acara Kesenian itu, bersambung pada episod keduanya malam esoknya (28 Oktober), tidaklah mampu penulis mengulangi datang ke Maran. Di Kuala Lumpur pula sudah ada acara. Undangan Pengarah Akademi Seni (ASK) menyaksikan teater Tradisional Bangsawan Taming Sari.

Bagi penulis, acara Malam Kesenian Islam di Dataran masjid Asy Syakirin

Maran ini, tidak saja dapat menarik minat masyarakat tempatan mendekati ciri budaya Islam serta mengembalikan kegemilangan lagu nasyid. Ianya juga menarik minat pengembara/musafir yang singgah solat.

Bertepatan pula dengan Tilawah al- Quran Antarabangsa yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur. Sementara pula di Bandar Diraja Pekan, pada malam itu berlangsung pula Konsert Diraja, anjuran RTM bertempat di Padang Bandaran sempena Keputeraan Sultan Pahang ke-71.

Artis tersohor kini, Siti Nurhaliza turut menyumbangkan suaranya. Dalam perjalanan pulang, penulis terkenang saranan seorang teman (bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Pekan), kini menjadi ahli PBPPPM, Abu Kassim Abdul Ghani.

Katanya, tahun ini sambutan Hari Keputeraan Sultan, tidak semeriah tahun lalu. Tahun ini baginda lebih mengutamakan kepentingan ekonomi rakyat. Baginda banyak membantu rakyat termiskin dan berpendapatan rendah.

Bersempena dengan hari keputeraan baginda, ditubuh dan dilancarkan Projek Menara Gading (PMG), iaitu Tabung Pendidikan Negeri Pahang bagi membantu pelajar yang tidak berkemampuan menyambung pendidikan tinggi di universiti dalam dan luar negara.

(END)